

Penyertaan dari pekebun2 kecil bertambah

PIHAK RISDA sentiasa memikirkan langkah yang baik untuk meninggikan taraf hidup pekebun-pekebun kecil. Namun tidak semua yang dirancang itu berjaya. Ini adalah disebabkan oleh masalah-masalah pengurusan dan kewangan yang dihadapi oleh para pekebun kecil.

RISDA juga mengakui bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam rancangan tanam semula. Ini termasuk dari segi pengurusan, kewangan, kekurangan pengetahuan teknikal, kurang tenaga pekerja dan juga masalah pengangkutan.

Akibatnya dalam tahun 70an, pihak RISDA cuba mengubah strategi kepada tanaman semula berkelompok. Iaitu dikumpulkan 30 atau 40 orang peserta dengan anggaran keluasan tanahnya ialah 80 ke 200 ekar.

Semua kemudahan disediakan oleh pihak RISDA dari menebang hingga kepada menanam semula anak-anak pokok getah. Kemudian ianya diserahkan semula kepada tuan punya kebun untuk diuruskan sehingga mengeluarkan hasil.

Malangnya masalah-masalah yang sama timbul. Subsidi serta baja yang diberi tidak digunakan dengan betul. Akibatnya kebun getah tidak berlela dan hasilnya tidak memuaskan.

Pihak RISDA merasakan hanya satu jalan sahaja untuk memastikan mutu pengeluaran susu getah para pekebun akan terjamin. Iaitu dengan mengambil alih pentadbiran dengan RISDA sendiri menguruskan tanah pekebun-pekebun kecil itu.

Rancangan ini dinamakan mini estet. Ianya merupakan satu blok kawasan yang berdekatan, hasil daripada penyatuan beberapa keping tanah yang bersempadan di antara satu sama lain kepunyaan pekebun-pekebun kecil, yang akan diuruskan dan dibangunkan oleh RISDA mengikut prinsip-prinsip pengurusan estet swasta.

Idea ini lahir dari Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Encik Yahil bin Mohammed. Beliau terfikir akan kebaikan yang diperolehi oleh syarikat asing yang mempunyai ladang getah dan kelapa sawit di Malaysia tetapi diuruskan oleh agensi seperti Guthrie dan Sime Darby.

Menurutnya, "pihak kami dapati hanya dengan cara ini saja kita dapat memastikan mutu kehidupan pekebun kecil akan bertambah baik dan mutu pengeluaran Malaysia juga terjamin."

Beliau menambah, pihak RISDA akan menadbirkan semua urusan daripada peringkat menebang pokok-pokok getah tua hingga kepada penjualan hasilnya.

Serah pengurusan

Kita dapati dalam rancangan mini estet ini, pihak RISDA akan menyerahkan segala pengurusan kerja kepada pemborong. Pemborong ini akan mengendalikan semua kerja-kerja yang sepatutnya.

Menurut Encik Yahil, pihak RISDA menggalakkan pemborong yang terlibat mengambil tuan-tuan punya kebun sebagai pekerja dan dibayar gaji. Biar apapun ini terpulang kepada para peserta sama ada mahu bekerja ataupun tidak.

Dengan itu jelaslah, tuan punya kebun yang terlibat tidak perlu bimbang putus mata pencarian kerana terlibat dalam rancangan mini estet ini.

Seorang pegawai RISDA akan dilantik sebagai penyelia bagi setiap kawasan mini estet ini. Ianya akan bertugas untuk memastikan segala rancangan berjalan dengan lancar di samping bertindak sebagai penasihat.

Bila pokok getah ini mengeluarkan hasil nanti, setiap peserta rancangan ini akan mendapat saham mengikut kadar luasnya kebun mereka.

Dengan erti kata lain, peserta, iaitu pekebun kecil akan dapat menikmati gaji sebagai pekerja dan saham sebagai peserta dalam rancangan mini estet ini.

Dalam rancangan mini estet ini kita dapati pokok-pokok getah tua dapat ditebang hingga ke akarnya dengan menggunakan jentera bulldozer. Dengan ini, ia akan dapat mengurangkan penyakit akar kerana dapat dibajak.

Tetapi seandainya seseorang pekebun itu membuat bersendirian dengan cara menebang dan membakar sahaja mungkin penyakit akar ini akan terjadi.

Dengan cara tanaman berkelompok ini segala masalah pemindahan teknologi dapat dijalankan. Selama ini Institut Penyelidikan Getah Malaysia menjalankan penyiasatan tentang teknologi dan benih yang lebih bermutu.

Jadi dengan cara ini pihak RISDA yakin mereka dapat menyalurkan teknologi ini untuk kebaikan pekebun kecil. Secara tidak langsung mereka dapat sama-sama menikmati cara moden ini.

Beliau menambah, buat masa ini satu jawatankuasa pemindahan teknologi ditugaskan untuk menentukan teknologi baru ini sampai kepada pekebun kecil.

Mini estet RISDA makin menggalakkan

Oleh: OMI HABIBAH SHARIFF

Ianya dianggotai oleh RISDA, Institut Penyelidikan Getah Malaysia dan wakil-wakil dari Persatuan Pekebun Kecil.

Di samping itu menurut Encik Yahil lagi, pihak RISDA yang bertugas akan dapat memastikan yang kacang tutup bumi ditanam untuk menjamin penjagaan baja yang rapi dan berkesan.

Penyelia yang bertugas juga akan dapat menentukan baja yang sesuai dan masa yang tertentu bagi menjamin kesuburan pokok-pokok yang ditanam.

Buat masa ini seorang penyelia ditempatkan di kawasan mini estet yang luasnya antara 100 ke 200 hektar.

Selain dari itu projek ini akan dilengkapi dengan sistem pengangkutan yang baik. Ini terutamanya penting buat kenderaan seperti Landrover untuk melaluinya. Dengan ini segala urusan dapat dijalankan dengan baik di kawasan yang luas ini.

Menurut Encik Yahil Mohammed, setakat ini sambutan dari pekebun-pekebun kecil untuk menyertai rancangan mini estet ini amat menggalakkan.

Beliau menambah hingga tahun 1981 terdapat 169 mini estet dengan keluasaannya sebanyak 19, 800 hektar dan mempunyai 9,767 orang peserta.

Dengan angka ini, kita dapati mereka yang terlibat menyertai rancangan ini mempunyai tanah seluas lebih kurang hanya dua hektar saja.

Sementara itu katanya, pihak RISDA bercadang untuk membangunkan tanah seluas 4,000 hektar sahaja bagi tahun 1982. Sedangkan permohonan yang diterima ialah 178 bilangan rancangan dengan keluasaannya 30,644 hektar dan 18,985 orang peserta.



INI adalah sebahagian dari rancangan projek mini estet RISDA di Merlimau, Melaka.

"Kami tidak sangka sambutanannya begitu baik. RISDA akan cuba memberi pertimbangan kepada semua permohonan. Nampaknya pekebun kecil nampak akan kebaikan rancangan mini estet ini," tambahanya.

Oleh kerana sambutan yang begitu menggalakkan ini, nampaknya pihak RISDA terpaksa mengadakan kursus untuk melatih lebih ramai penyelia-penyelia. Tidak juga dapat dinafikan dengan pembesaran rancangan ini lebih banyak kenderaan diperlukan agar semua urusan dapat berjalan dengan lancar.

Selain dari membangunkan tanah pekebun kecil, pihak RISDA juga menurut Encik Yahil turut membangunkan tanah kosong yang terbiar dan mempunyai hak milik. Turut terlibat ialah tanah simpanan Orang Asli.

Menurut Encik Yahil, selama ini ada setengah pekebun kecil yang berjaya dalam tanaman semula, tetapi hasil pengeluarannya tidak memuaskan

Menjadi contoh

Misalnya kebun getah itu hanya berjaya mengeluarkan 30 kilogram susu getah satu hektar. Sepatutnya jika ia dijaga dengan betul sehakat boleh mengeluarkan hingga 70 kilogram sebulan.

Dengan itu pihak RISDA berharap, susu getah yang maksima dapat dikeluarkan bila penjagaan yang rapi dan sistem teahan yang baik dijalankan.

Encik Yahil menjelaskan, "diharap dengan kerjasama dari semua pihak, termasuk pekebun kecil sendiri rancangan mini estet ini akan menjadi contoh yang baik. Ini merupakan rancangan yang pertama di seluruh dunia."

Beliau menambah, dengan ini kejayaan dapat dinikmati selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Di samping tanah-tanah yang terbiar dan tidak ekonomik dapat dibangunkan untuk kebaikan

pekebun dan negara.

Buat masa ini hanya getah dan kelapa sawit sahaja terlibat dalam rancangan mini estet ini. Tanaman yang dibuat bergantung kepada penyediaan keadaan sesuatu kawasan itu.

Rancangan mini estet yang pertama ialah di Kampung Air Limau, Masjid Tanah, Melaka. Ianya diusahakan dari tanaman berkelompok pada tahun 1979.

Dalam tinjauan yang dibuat di Masjid Tanah, Melaka, beberapa orang peserta dan pekerja di rancangan mini-estet ini menyatakan rasa puas hati mereka terhadap sistem ini.

Puan Puan binti Samad dan suaminya menyatakan mereka menjaga kebun getah kakak iparnya di situ seluas tiga ekar. Bila projek mini estet dimulakan ia turut menyertainya.

"Rasanya adalah kelak bila pekebun kecil hanya mendapat keuntungan bersih mengikut luas tanah setelah ditolak segala belanjauan nanti," terang Puan Puan.

Bagi Puan Chik Noh binti Jasim pula menyatakan dengan adanya projek mini estet ia dapat menambahkan hasil pendapatannya.

"Makcik kerja di rancangan mini estet ini dengan dibayar gaji \$6.00 sehari. Gajinya dibayar bulanan," terang Puan Chik Noh.

Beliau menambah, pekerja wanita dibayar \$6.00 sehari dan pekerja lelaki dibayar \$7.00 untuk kerja-kerja menyangkul. Tetapi kalau melakukan kerja-kerja meracun, mereka akan dibayar lebih dari itu.

Puan Chik Noh telah bekerja di rancangan mini estet selama tiga tahun dan buat masa ini ia tidak lagi bekerja kerana pokok-pokok getah sudahpun besar.

Sementara itu menurut seorang penyelia yang ditemui, kerja-kerja seseorang penyelia itu ialah untuk memastikan kejayaan mini estet.



ENCIK Yahil bin Mohammed

"Ini kami lakukan dengan pengawasan rampai, membaja mengikut masa tertentu, menjaga dari penyakit dan mengawas para pekerja," terangnya.

Beliau menambah, ianya serupa dengan sistem ladang, seseorang pekerja itu dibayar gaji hari dan mereka bekerja tanpa mengira lot.

Akhirnya beliau menyatakan pemborong yang diambil adalah mengikut tender yang ditawarkan. Contohnya pemborong yang ditawarkan untuk membersihkan kebun.

Apa yang diharapkan sekarang ialah rancangan mini estet ini berjaya. Agar segala persoalan tentang kegagalan tanaman semula dan tanam berkelompok akan lenyap.

Susu getah yang maksima dapat dikeluarkan bila penjagaan yang rapi dan sistem teahan yang baik dijalankan



PUAN Pun binti Samad

Advertisement for SRP Pangkat 'C' INST. IBNU SINA. Includes details about the program, location, and contact information for various branches.

Large advertisement for Velco Belt. Features text about losing belly fat, diagrams of the human torso, and contact information for the company.

Advertisement for BERITA EMI. Promotes the 'Koleksi Kenangan Silam' collection of songs and includes information about purchasing the collection.